

Pelajar Siswazah UMP wakili Asia-Pasifik ke Pertandingan Falling Wall Labs di Berlin Jerman



Kuantan, 21 Oktober- Pelajar Ijazah Kedoktoran (PhD) Universiti Malaysia Pahang (UMP) dari Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli (FKKSA), Ashwin Charles Benedict yang pernah mengharumkan nama Malaysia apabila dinobatkan juara Pertandingan Asia-Pacific 3 Minute Thesis Competition bakal menyertai Pertandingan Falling Wall Labs 2017 di Berlin Jerman. Idea daripada hasil kajiannya berjudul "Catalyzing Change: Light at the end of the Tunnel" itu memberi peluang kepada dia menyertai pertandingan peringkat tertinggi di Berlin pada 8 dan 9 November nanti.

Kejayaan Ashwin dirai dalam majlis anjuran Institut Pengajian Siswazah (IPS) yang berlangsung di Dewan Bankuet Canseleri Gambang hari ini. Majlis dihadiri Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dato' Dr Rosli Mohd Yunus, Dekan IPS, Profesor Dato' Dr. Hasnah Haron dan Pendaftar, Abd. Hamid Majid.

Menurut Dato' Dr. Daing Nasir, Ashwin yang dipilih mewakili Asia Pasifik dalam Pertandingan Falling Wall Labs membawa harapan bukan sahaja mewakili lebih 10 ribu warga universiti, malahan lebih 30 juta rakyat Malaysia dan seluruh Asia Pasifik.

"Kemenangan ini diharap akan menyuntik semangat pelajar lain untuk menyertai program ini serta dapat berkongsi penyelidikan dengan khayalak ramai dan penemuan penyelidikan mereka boleh dibentangkan dengan cara ringkas, padat dan mudah difahami," katanya.

Selain itu, platform ini sebenarnya salah satu daripada dimensi yang mesti didedahkan buat pelajar dalam meningkatkan komunikasi yang berkesan sama ada secara lisan atau bertulis. Kemampuan ini bukan sahaja memerlukan bakat, namun personaliti dan kematangan berfikir secara intelektual.



Sementara itu, menurut Ashwin Charles,32 , beliau perlu membuat persiapan dan latihan secukupnya sebelum menyertai pertandingan penuh bermakna itu. Banyak cabaran terpaksa ditempuhi dan idea-idea baharu perlu dicari sekiranya ingin berjaya dalam pertandingan di peringkat antarabangsa seperti ini.

Beliau pernah menewaskan 55 peserta lain dari seluruh Australia, New Zealand dan Asia. Lebih menarik Ashwin turut meraih anugerah People's Choice Award apabila meraih undian tertinggi di pentas akhir pertandingan yang berlangsung di University of Queensland baru-baru ini.

Tesis Tiga minit (3MT) adalah satu pertandingan komunikasi penyelidikan yang dibangunkan oleh University of Queensland. Pertandingan ini membangunkan akademik, persembahan, dan kemahiran komunikasi penyelidikan dan menyokong pembangunan kapasiti pelajar dengan berkesan untuk menerangkan penyelidikan mereka dalam bahasa yang sesuai.

Majlis turut menyampaikan penghargaan buat jurulatih berpengalaman yang dilantik iaitu Dr Chiam Kee Swan dari Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli dan Normala Samsudin yang merupakan pensyarah dari Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan (PBMSK) banyak membantu dalam memastikan hasil penyelidikan dapat dibentangkan dalam tiga minit.

Dalam pada itu selain Ashwin, pensyarah Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Dr. Jaysuman Puspanathan, yang berjaya meraih gelaran juara Pertandingan Falling Walls Lab Malaysia 2017 turut bakal bertanding dengan hasil kajiannya berjudul *Breaking The Wall Of Unseen Flow Imaging*.

